

IMPORTANT NOTICE:

CUSTOMER IS ADVISED TO READ AND UNDERSTAND THE TERMS AND CONDITIONS BEFORE AGREEING TO SUBSCRIBE FOR ANY PRODUCT OR SERVICE AND/OR PARTICIPATING IN ANY OF BANK ISLAM'S CAMPAIGNS, PROMOTIONS AND PRIZE DRAWS.

THESE TERMS AND CONDITIONS SHALL BE READ TOGETHER WITH THE GENERIC TERMS AND CONDITIONS FOR TRANSACTIONAL INVESTMENT ACCOUNT AND THE GENERIC TERMS AND CONDITIONS FOR CURRENT AND SAVINGS ACCOUNT.

NOTIS PENTING:

PELANGGAN ADALAH DINASIHATI UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI TERMA DAN SYARAT SEBELUM BERSETUJU UNTUK MELANGGAN MANA-MANA PRODUK ATAU PERKHIDMATAN DAN/ATAU MENGAMBIL BAHAGIAN DI DALAM MANA-MANA KEMPEN, PROMOSI BANK ISLAM DAN CABUTAN HADIAH.

TERMA DAN SYARAT INI HENDAKLAH DIBACA BERSAMA TERMA DAN SYARAT AM BAGI AKAUN PELABURAN TRANSAKSI SERTA TERMA DAN SYARAT AM BAGI AKAUN SEMASA DAN SIMPANAN.

1.0 DEFINITIONS

In this T&C, unless otherwise provided, the following words shall have the meaning as set out below:

"Awfar" means collectively the Awfar Savings Account and Awfar Investment Account as specified in Clause 1.0.

"Awfar Account Holder" means an individual customer who maintains an active Awfar account with Bank Islam

"Bank Islam" means Bank Islam Malaysia Berhad (Company No. 198301002944) a company incorporated in Malaysia with its registered address at Level 32, Menara Bank Islam, 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.

"Eligibility Unit" or **"EU"** means the unit of eligibility assigned to an Awfar Account Holder based on the qualifying criteria determined by Bank Islam from time to time

"Prize Winner" means an Awfar Account Holder selected as a winner in the Prize Draw conducted by Bank Islam

Prize Draw" means the draw conducted by Bank Islam for eligible Awfar Account Holders in accordance with these T&C.

1.0 DEFINISI

Di dalam T&C ini, melainkan jika diperuntukkan sebaliknya, perkataan-perkataan berikut hendaklah mempunyai erti seperti yang dinyatakan di bawah:

"Awfar" Secara kolektif merujuk kepada Akaun Simpanan Awfar dan Akaun Pelaburan Awfar seperti yang dinyatakan dalam Klausula 1.0.

"Pemegang Akaun Awfar" bermaksud pelanggan individu yang mengekalkan akaun Awfar yang aktif dengan Bank Islam.

"Bank Islam" bermaksud Bank Islam Malaysia Berhad (No. Syarikat 198301002944), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dengan alamat berdaftaranya di Aras 32, Menara Bank Islam, 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.

"Unit Kelayakan" atau **"EU"** bermaksud unit kelayakan yang diberikan kepada Pemegang Akaun Awfar berdasarkan kriteria kelayakan yang ditentukan oleh Bank Islam dari semasa ke semasa.

"Pemenang Hadiah" bermaksud Pemegang Akaun Awfar yang dipilih sebagai pemenang bagi Cabutan Hadiah yang dijalankan oleh Bank Islam

"Cabutan Hadiah" bermaksud cabutan yang dijalankan oleh Bank Islam untuk Pemegang Akaun Awfar yang layak selaras dengan Terma dan Syarat

2.0 APPLICABILITY

These Terms and Conditions ("T&C") govern the Awfar Prize Draw ("Prize Draw"), which is applicable to all account holders of the following products:

1. Awfar Savings Account – a savings account product offered by Bank Islam Malaysia Berhad based on the Shariah concept of Tawarruq. This product is protected by PIDM.
2. Awfar Investment Account – an Unrestricted Investment Account product offered by Bank Islam Malaysia Berhad based on the Shariah principle of Mudarabah. This product is not protected by PIDM.

3.0 PRIZE DRAW

- 3.1 Only active accounts will be entitled for the prize draw. Subject to this T&C, Bank Islam reserves the right to include or exclude any account for the prize draw. The draw eligibility and categories can be referred to Bank Islam's website at www.bankislam.com.
- 3.2 An Awfar Account Holder shall be entitled to receive one (1) Eligibility Unit ("EU") based on the qualifying criteria determined and published by Bank Islam on www.bankislam.com.
- 3.3 If the prize is not available for whatsoever reason, Bank Islam reserves the right to substitute the prize for any item of equivalent value or with any other items whichever Bank Islam deems appropriate upon Bank Islam issuing at least fourteen (14) days prior notice to all Prize Winners from the date prize winner announcement is scheduled to be made by Bank Islam. The mode of notifications could be in writing, via electronic means or displayed at Bank Islam's branches or websites.
- 3.4 The prize is not redeemable or exchangeable for any other items or cash. Prize Winners must accept the prize "as it is" and must acknowledge that Bank Islam shall not be held responsible in the value of the prizes due to the variation of prices in the market during the prizes redemption/ collection by them at the time stipulated by Bank Islam.
- 3.5 The prize(s) does/do not include any accessories or items shown in any advertisements and/or promotional materials as they are for illustrative purpose only.
- 3.6 Bank Islam accepts no responsibility for any tax responsibilities that may arise from the prizes or the use thereof. Any tax filing obligation or tax payment due (if any) to any tax authority as a result of receipt of the prizes remains the sole responsibility of the Prize Winners. It is the responsibility of the Prize Winners to seek independent tax advice on the possible tax responsibilities to their financial situations.

2.0 PEMAKAIAN

Terma dan Syarat ("T&C") ini berkaitan Cabutan Hadiah Awfar ("Cabutan Hadiah"), yang terpakai kepada semua pemegang akaun bagi produk-produk berikut:

1. Akaun Simpanan Awfar – produk akaun simpanan yang ditawarkan oleh Bank Islam Malaysia Berhad berasaskan konsep Syariah Tawarruq dan dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)
2. Akaun Pelaburan Awfar – produk Akaun Pelaburan Tidak Terhad yang ditawarkan oleh Bank Islam Malaysia Berhad berasaskan konsep Syariah Mudharabah dan tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) .

3.0 HADIAH CABUTAN

- 3.1 Hanya akaun yang aktif layak untuk menyertai Cabutan Hadiah. Tertakluk kepada Terma dan Syarat ini, pihak Bank Islam berhak untuk memasukkan atau mengecualikan mana-mana akaun daripada cabutan. Kriteria kelayakan dan kategori hadiah boleh dirujuk dilaman sesawang Bank Islam di www.bankislam.com.
- 3.2 Pemegang Akaun Awfar layak menerima satu (1) Unit Kelayakan ("EU") berdasarkan kriteria kelayakan yang ditentukan dan diterbitkan oleh Bank Islam di www.bankislam.com.my.
- 3.3 Jika hadiah yang dimenangi tidak dapat diperolehi atas apa juga sebab, Bank Islam berhak menggantikan hadiah lain yang sama nilai dengan hadiah yang dimenangi atau dengan apa-apa hadiah yang Bank Islam anggap sesuai dengan memberikan notis kepada Pemenang Hadiah sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh pengumuman pemenang dijadualkan akan dibuat oleh Bank Islam. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis, melalui cara elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan atau laman web Bank Islam.
- 3.4 Hadiah ini tidak boleh ditebus atau ditukarkan dengan hadiah lain atau wang tunai. Para Pemenang Hadiah mestilah menerima hadiah seperti sedia ada ("as it is") dan mengakui bahawa pihak Bank Islam tidak akan bertanggungjawab ke atas nilai hadiah berikutan harga hadiah yang berbeza di pasaran ketika mereka menebus/ memungut hadiah pada masa seperti yang ditetapkan oleh Bank Islam.
- 3.5 Hadiah tidak termasuk sebarang aksesori atau barangan yang ditunjukkan di dalam apa-apa iklan dan/atau bahan promosi kerana ini hanyalah bagi tujuan ilustrasi.
- 3.6 Bank Islam dengan ini tidak bertanggungjawab bagi apa-apa tanggungjawab cukai yang mungkin timbul daripada hadiah hadiah atau penggunaannya. Apa-apa tanggungjawab pemfailan cukai atau bayaran cukai tertanggung (jika ada) kepada pihak berkuasa cukai ekoran daripada penerimaan hadiah-hadiah adalah di bawah tanggungjawab para Pemenang Hadiah sepenuhnya. Adalah menjadi tanggungjawab para Pemenang Hadiah untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai tanggungjawab cukai yang mungkin timbul terhadap kedudukan kewangan mereka.

- | | |
|--|--|
| <p>3.7 Bank Islam and its affiliates and their respective directors, officers, employees and agents shall not be liable for any misinterpretation of facts and/or inflicted injuries and/or loss of lives and/or valuables resulting from the prize won and shall not be liable, whether direct or consequential, for any loss and damage or for any personal injury and/or whatsoever suffered or sustained by the Awfar account holder/Prize Winners caused directly or indirectly, in whole or in part, in connection with their participation in this Product or the receipt or use of any of the prizes or may be suffered in the course of the prize giving travel and/or as a result of any act or omission on the part of Bank Islam whatsoever, except for any liability which cannot be excluded by law. Bank Islam shall not be responsible in any way whatsoever, in respect of any matters beyond Bank Islam's control in regard to this Product or anything related thereto.</p> | <p>3.7 Bank Islam dan sekutu-sekutunya berserta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen yang terlibat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta dan/atau sebarang kecederaan dan/atau kehilangan ke atas nyawa dan/atau harta benda berikutan hadiah yang dimenangi dan tidak akan bertanggungjawab, sama ada secara langsung atau tidak, ke atas sebarang kerugian atau kerosakan atau apa-apa kecederaan peribadi dan/atau apa-apa yang dialami oleh Pemegang Akaun Awfar/Pemenang Hadiah yang berlaku secara langsung atau tidak, secara keseluruhan atau sebahagian, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Produk ini atau penerimaan atau penggunaan apa-apa hadiah atau mungkin dialami semasa dalam perjalanan untuk menebus atau mengambil hadiah dan/atau akibat daripada sebarang tindakan atau pengabaian daripada pihak Bank Islam, kecuali apa-apa liabiliti yang tidak dikecualikan oleh undang-undang. Bank Islam tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun, ke atas segala urusan di luar bidang dan kawalan Bank Islam dalam pentadbiran dan pemprosesan Produk ini.</p> |
| <p>3.8 All prize winners will be notified via Bank Islam's website at www.bankislam.com and/or through any other mode of communication as communicated by Bank Islam from time to time.</p> | <p>3.8 Maklumat pemenang akan dipaparkan di dalam laman web Bank Islam www.bankislam.com dan/atau melalui apa-apa kaedah komunikasi seperti yang diberitahu oleh Bank Islam dari semasa ke semasa.</p> |
| <p>3.9 Bank Islam's decision on all matters relating to the selection of winners and prizes via Bank Islam's generic draw engine shall be final, conclusive, and binding on the Awfar account holder and no further correspondence and/or appeal to dispute Bank Islam's decision shall be entertained.</p> | <p>3.9 Keputusan Bank Islam terhadap semua perkara berkaitan dengan pemilihan pemenang-pemenang dan hadiah-hadiah melalui enjin cabutan umum Bank Islam adalah muktamad, konklusif, dan mengikat ke atas semua Pemegang Akaun Awfar dan tiada surat menyurat selanjutnya dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank Islam akan dilayan.</p> |
| <p>3.10 Cash prizes shall be forfeited if, on the date of prize crediting, the relevant Awfar account:</p> <ul style="list-style-type: none"> • has been closed; • is marked as deceased; • is frozen, suspended, restricted, or otherwise unable to receive crediting; or • is prohibited from receiving the prize pursuant to any law, regulation, order, or directive by any governmental, quasi-governmental, regulatory, supervisory authority, court, or tribunal. <p>For non-cash prizes, the prizes shall be forfeited if the Prize Winner cannot be contacted using the contact details maintained in Bank Islam's records within thirty (30) days from the date of announcement of winners.</p> | <p>3.10 Hadiah wang tunai akan terbatal sekiranya, pada tarikh pengkreditan hadiah, akaun Awfar yang berkenaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • telah ditutup; • ditandakan sebagai pemegang akaun telah meninggal dunia; • dibekukan, digantung, disekat, atau selainnya tidak dapat menerima pengkreditan; atau • dilarang daripada menerima hadiah menurut mana-mana undang-undang, peraturan, perintah, atau arahan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan, separa kerajaan, badan kawal selia, badan penyeliaan, mahkamah atau tribunal. <p>Bagi hadiah bukan tunai, hadiah tersebut akan terbatal sekiranya Pemenang Hadiah tidak dapat dihubungi menggunakan butiran hubungan yang disimpan dalam rekod Bank Islam dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh pengumuman pemenang.</p> |
| <p>3.11 In compliance with Personal Data Protection Act (PDPA) 2010, Bank Islam shall protect the personal data of the Awfar account holder. Winners shall consent and agree that their names and photographs may be published in any media selected by Bank Islam for publicity purposes.</p> | <p>3.11 Sebagai mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, pihak Bank Islam akan melindungi data peribadi Pemegang Akaun Awfar. Para pemenang memberikan kebenaran dan bersetuju untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar pemenang di mana-mana media mengikut budi bicara Bank Islam untuk tujuan publisiti.</p> |
| <p>3.12 Cash prizes will be credited into the Awfar within fourteen (14) working days from the date of Bank Islam's announcement.</p> | <p>3.12 Hadiah wang tunai akan dikreditkan ke dalam Awfar dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh pengumuman oleh pihak Bank Islam.</p> |

- | | |
|--|---|
| <p>3.13 Bank Islam has the right to review the criteria, eligibility, entry requirement, and frequency of the draw whatsoever from time to time.</p> | <p>3.13 Bank Islam berhak untuk menyemak semula kriteria, syarat-syarat kelayakan, kemasukan, dan kekerapan cabutan hadiah dari semasa ke semasa.</p> |
| <p>3.14 Unless otherwise specifically stated in the applicable campaign specific terms and conditions, an individual Awfar account holder shall only be entitled to win one (1) prize under each draw category for each draw frequency period.
For avoidance of doubt, where multiple draws are conducted within a particular period, the Prize Winner shall not be eligible to win more than one (1) prize within the same draw category during that respective draw cycle or frequency period as determined by Bank Islam.</p> | <p>3.14 Melainkan dinyatakan sebaliknya dalam terma dan syarat khusus kempen yang berkaitan, setiap pemegang akaun Awfar individu hanya layak untuk memenangi satu (1) hadiah sahaja bagi setiap kategori cabutan dalam setiap tempoh kekerapan cabutan.
Bagi mengelakkan sebarang kekeliruan, jika terdapat beberapa cabutan diadakan dalam satu tempoh tertentu, seseorang Pemenang Hadiah tidak layak untuk memenangi lebih daripada satu (1) hadiah dalam kategori cabutan yang sama sepanjang tempoh atau kitaran cabutan tersebut, seperti yang ditetapkan oleh Bank Islam.</p> |
| <p>3.15 The prize draw is a promotional incentive (hibah) granted at the Bank's discretion and shall not form part of the contractual return under Tawarruq or Mudarabah contract.</p> | <p>3.15 Cabutan hadiah merupakan satu bentuk insentif promosi (hibah) yang diberikan atas budi bicara pihak Bank dan tidak dianggap sebagai sebahagian daripada pulangan kontrak di bawah kontrak Tawarruq atau Mudarabah.</p> |
| <p>3.16 Participation in the Prize Draw does not require any payment, fee, or loss of financial benefit and is incidental to maintaining an Awfar account.</p> | <p>3.16 Penyertaan dalam Cabutan Hadiah tidak memerlukan sebarang bayaran, fi, atau pengurangan manfaat kewangan, dan adalah bersifat sampingan kepada pemilikan akaun Awfar.</p> |

For more information, please visit Bank Islam branches or call our Contact Centre at 03 26 900 900 or visit our website at <https://www.bankislam.com>

Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi cawangan Bank Islam atau hubungi Pusat Panggilan kami di 03 26 900 900 atau layer laman sesawang kami di <https://www.bankislam.com>